



INTERNATIONAL JOURNAL OF ENTREPRENEURSHIP AND MANAGEMENT PRACTICES (IJEMP)

www.ijemp.com



IMPAK BANTUAN RUMAH BAITULMAL TERHADAP KESEJAHTERAAN HIDUP ASNAF

THE IMPACT OF BAITULMAL HOUSING ASSISTANCE ON THE WELL-BEING OF ASNAF

Nur Afifah Fadzil^{1*}, Muhammad Fairuz A. Adi², Nur Iylia Mohd Noor Be³, Mohd Farkhi Azman¹

¹ Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis

Email: nurafifahfadzil@unisiraj.edu.my, farkhiazman@unisiraj.edu.my

² Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Selangor

Email: m.fairuz@uis.edu.my

³ Pusat Bahasa dan Pengajian Umum, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis

Email: nuriylia@unisiraj.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.06.2025

Revised date: 17.07.2025

Accepted date: 12.08.2025

Published date: 01.09.2025

To cite this document:

Fadzil, N. A., Adi, M. F. A., Mohd Noor Be, N. I., & Azman, M. F. (2025). Impak Bantuan Rumah Baitulmal Terhadap Kesejahteraan Hidup Asnaf. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 8 (31), 36-45.

DOI: 10.35631/IJEMP.831004

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Baitulmal merupakan satu institusi yang mengendalikan harta orang Islam. Menerusi baitulmal, ia menjadi satu institusi kebajikan yang bertujuan membasmi kemiskinan dan membantu orang Islam dalam menelusuri kelangsungan hidup. Kajian ini memfokuskan kepada impak bantuan rumah baitulmal yang meliputi dua skop iaitu bantuan bina rumah baru dan bantuan baik pulih rumah. Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan menggunakan pendekatan temu bual separa berstruktur dan fokus berkumpulan. Responden yang terlibat adalah terdiri daripada 24 orang responden iaitu dua belas responden yang menerima bantuan bina rumah baru dan dua belas responden lagi yang menerima bantuan baik pulih rumah. Huraian data temu bual adalah dengan menggunakan pendekatan tematik. Hasil temu bual menunjukkan bahawa para responden memberikan respons bahawa bantuan ini memberikan perubahan positif dalam kualiti kehidupan mereka dan memberikan lebih keselesaan untuk berteduh. Bantuan ini juga merupakan satu tindakan efektif yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) bagi memperbaiki keadaan kehidupan golongan asnaf.

Kata Kunci:

Impak Bantuan, Baitulmal, Bina Baru dan Baik pulih Rumah, Kesejahteraan Asnaf

Abstract:

Baitulmal is an Islamic financial institution that manages the wealth of Muslims, serving as a charitable body dedicated to alleviating poverty and supporting the Muslim community in sustaining their livelihoods. This study examines the impact of Baitulmal housing assistance, focusing on two types of support: the construction of new homes and the repair or renovation of existing homes. The study employs a qualitative methodology, using semi-structured interviews and focus group discussions. A total of 24 respondents participated in the study, 12 recipients of newly constructed houses and 12 recipients of home repair assistance. Data from the interviews were analysed using a thematic approach. The findings indicate that the respondents experienced a positive shift in their quality of life and greater comfort in their living conditions following the assistance. This initiative, implemented by the Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), is shown to be an effective initiative in enhancing the well-being of the asnaf community.

Keywords:

Housing Assistance, Baitulmal, New Construction and Home Repair, Asnaf Well-Being

Pengenalan

Baitulmal merupakan institusi penting dalam pengurusan harta umat Islam, terutamanya dalam aspek kebajikan dan pembangunan masyarakat. Di Malaysia, baitulmal berperanan dalam mengagihkan dana kepada lapan asnaf yang telah disebutkan dalam al-Quran iaitu fakir, miskin, amil, *muallaf*, *ar-Riqab*, *al-Gharimin*, *Fisabilillah* dan *Ibn Sabil*. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) mempunyai empat belas jenis skim bantuan zakat iaitu 1. Skim Agihan Sara Hidup 2. Skim Agihan Sara Hidup Bulanan 3. Skim Agihan Perubatan 4. Skim Agihan Persekolahan Rendah/Menengah 5. Skim Agihan Program Peningkatan Ekonomi Asnaf 6. Skim Agihan Bekalan Elektrik/Air 7. Skim Agihan Baik Pulih Rumah / Bina Baru 8. Skim Agihan Mikro Baik Pulih Rumah 9. Skim Agihan Bencana 10. Skim Agihan Kecemasan Ibnu Sabil 11. Skim Agihan Saguhati Motivasi Memeluk Islam 12. Skim Agihan Pelajaran Serta Merta IPT 13. Skim Agihan Zakat Pelajaran Dermasiswa Luar Negara (Timur Tengah) 14. Skim Agihan Aktiviti Dakwah dan Kemasyarakatan MAIPS. Oleh itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada Skim Agihan Baik Pulih Rumah / Bina Baru dan impaknya dalam meningkatkan taraf hidup golongan asnaf.

Rumah merupakan keperluan asas bagi setiap keluarga. Ia bukan sahaja dianggap sebagai tempat berteduh dan perlindungan bahkan sebagai tempat berhimpun ahli keluarga. Keperluan asas seperti rumah, makanan dan pakaian sekiranya dipenuhi memberikan kesan positif kepada kesejahteraan hidup seterusnya kepada pendidikan. Isi keluarga mempunyai ruang rehat sendiri dan anak-anak mempunyai ruang untuk mengulangkaji pelajaran. Keadaan rumah yang harmoni memberikan impak yang baik kepada kestabilan emosi dan ketenangan hidup berkeluarga. Rumah bukan hanya sekadar rumah, ia perlu menitikberatkan penjagaan aurat, pengasingan tempat tidur di antara ibu bapa dengan anak lelaki, anak perempuan lebih-lebih lagi jika ada keluarga lain yang ada bersama.

Skim bantuan rumah sama ada bina baru atau baik pulih yang ditawarkan oleh kerajaan, agensi-agensi, mahupun Majlis Agama Islam bagi setiap negeri tidak lain adalah membantu meningkatkan kesejahteraan hidup golongan miskin dan asnaf. Skim Bantuan yang menjadi fokus bagi kertas kerja ini adalah Skim Agihan Baik Pulih Rumah / Bina Baru oleh MAIPs. Skim ini adalah satu inisiatif kebajikan pengurusan baitulmal dalam membantu menyediakan tempat tinggal yang selesa buat golongan asnaf.

Tinjauan Kajian Lepas

Kajian berkaitan baitulmal dijalankan dalam pelbagai bidang pengkajian seperti pengurusan, pengagihan, skim bantuan dan sebagainya. Antara pengkaji-pengkaji terkini dan terdahulu yang menjalankan kajian berkaitan baitulmal ialah Muhammad Fairuz et al. (2025), Mohammad (2024), Abdul Rahman (2023), Norizan (2022), Assyifaa et al. (2021), Marina (2020), Fatimah et al. (2012) dan sebagainya. Namun kertas kerja ini hanya memfokuskan kepada bantuan rumah baitulmal sama ada pembinaan rumah baharu atau rumah baik pulih di bawah bantuan MAIPs.

Muhammad Fairuz et al. (2025) dalam kajiannya membincangkan tentang peranan MAIPs dalam memperkasa kesejahteraan sosial masyarakat Negeri Perlis. Kajian tersebut memfokuskan kepada proses agihan baik pulih rumah dan rumah baru asnaf. Dapatan kajian menunjukkan bahawa MAIPs memainkan peranan yang penting dalam menjaga kesejahteraan masyarakat. Hal ini dapat dilihat apabila terdapat peningkatan dalam jumlah bantuan baik pulih rumah dan rumah baru bermula dari tahun 2020 – 2024.

Manakala, Mohammad (2024) menetengahkan aspek pemberdayaan baitulmal dalam menangani permasalahan sosio-ekonomi ummah. Menerusi dapatan kajian tersebut, didapati terdapat empat faktor pemberdayaan baitulmal iaitu kewangan, perundangan yang jelas, sumber manusia baitulmal serta pengurusan yang efisien dan profesional. Secara keseluruhan, penyelesaian permasalahan sosioekonomi ummah adalah dengan menumpukan kepada asnaf dengan menaiktaraf kualiti hidup asnaf melalui bantuan pendidikan dan keusahawanan.

Satu lagi kajian daripada Norizan (2022) menetengahkan program-program perumahan yang dibangunkan untuk isi rumah miskin bandar di Kuala Lumpur. Menerusi kajian ini, terdapat pelbagai program perumahan miskin bandar Kuala Lumpur telah dilaksanakan antaranya ialah Program Rumah Ikram, Program Rumah Transit, Program perumahan Rakyat Dimiliki dan Program Perumahan Rakyat Disewa. Selain itu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) turut menyediakan inisiatif bantuan seperti Bantuan Deposit Sewa Rumah dan Sewa Rumah Bulanan, Bantuan Membina / Membaiki Rumah dan Bantuan Deposit Beli Rumah Kos rendah. Kesemua bantuan di bawah MAIWP ini adalah di bawah skim bantuan zakat untuk tempat tinggal. Hal ini membuktikan, pelbagai inisiatif disediakan oleh kerajaan dan MAIWP dalam membantu peningkatan kualiti hidup masyarakat.

Fatin Husna (2021) menjalankan kajian berkaitan impak Skim Bantuan Rumah Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN) terhadap golongan asnaf di Kubang Pasu. Dapatan kajian mendapati skim bantuan rumah ini memberikan impak terhadap kualiti hidup asnaf yang meliputi aspek emosi, pendidikan, keselamatan, keselesaan dan masalah sosial.

Fatimah et al. (2012) mengkaji berkaitan sumbangan baitulmal kepada umat Islam di Negeri Perlis. Baitulmal negeri Perlis memainkan peranan yang penting dalam membantu dan menjana pembangunan ekonomi ummah. Kesemua bantuan ini tidak lain dan tidak bukan adalah bertujuan membasmi kemiskinan dan mewujudkan kehidupan yang selesa. Berdasarkan dapatan kajian, sumbangan yang diberikan berasaskan kaedah bantuan 1:2:5 adalah merujuk kepada satu kariah akan dibina dua buah rumah baru bagi keluarga yang miskin (termasuk fakir) yang tidak berumah dan memperbaiki lima buah rumah yang daif.

Skim Bantuan Rumah

Pelbagai bantuan perumahan disediakan dalam membantu masyarakat meningkatkan taraf hidup dan mendapatkan tempat berteduh yang lebih selesa. Bantuan-bantuan ini ada yang dibawah saluran Lembaga zakat, Majlis Agama Islam, Kerajaan, Majlis Perbandaran dan sebagainya. Secara umumnya bantuan perumahan ini meliputi bantuan bina rumah baru, baik pulih rumah dan bantuan kemasukan elektrik dan air. Begitu juga terdapat bantuan bina rumah dengan bayaran semula tanpa faedah dan sebagainya. Tujuannya adalah bagi membantu golongan asnaf dan fakir miskin untuk mendiami kediaman yang selesa.

Program Bantuan Rumah (PBR) di bawah Skim Pembangunan Rakyat (SPKR) atau sebelum ini dikenali sebagai Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) telah dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sejak lebih 30 tahun yang lalu (Program Perumahan Rakyat Sejahtera, 2025). Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS) merupakan salah satu program pembasmian kemiskinan luar bandar yang menyediakan bantuan bina baharu atau pembaikan rumah kepada golongan miskin dan miskin tegar untuk memiliki kediaman yang selamat dan selesa, seterusnya memastikan kumpulan sasar ini dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik. Program ini merupakan antara fokus kerajaan bagi membantu keluarga miskin dan miskin tegar luar bandar untuk memiliki rumah kediaman yang selamat dan selesa. Bantuan ini terbahagi kepada dua skop iaitu bina baharu yang difokuskan kepada penerima yang tidak mempunyai rumah atau rumah yang didiami terlalu uzur, tidak selamat diduduki dan tidak ekonomik untuk dibaiki. Bantuan seterusnya ialah rumah baik pulih yang hanya melibatkan komponen-komponen asas sesebuah rumah sahaja.

Selain itu, terdapat juga bantuan-bantuan perumahan yang disediakan di setiap negeri. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri Sembilan telah memperkenalkan Program Rumah Harapan Rakyat bermula pada tahun 2021. Program ini adalah kemudahan pinjaman tanpa faedah untuk membina satu (1) unit rumah untuk golongan B40 yang masih belum memiliki rumah dan ingin membina rumah di atas bidang tanah masing-masing.

Begitu juga Negeri Perak memperkenalkan program Sayangi Rumahku. Program ini diwujudkan bagi membantu golongan miskin dan miskin tegar di Negeri Perak dengan menyediakan kemudahan asas dan kediaman yang selesa. Ia Merupakan program bantuan perumahan tanpa bayaran sama ada baik pulih atau bina baru rumah khusus kepada golongan miskin dan miskin tegar di Negeri Perak. Program ini turut menyediakan dua kategori bantuan iaitu baik pulih yang memberikan bantuan kepada rumah yang masih relevan dan ekonomik untuk dibaiki dan hanya melibatkan komponen asas rumah manakala bagi kategori bina baru rumah ia diberikan kepada pemohon yang tidak memiliki rumah atau kediaman yang terlalu uzur dan tidak selamat diduduki tidak ekonomi untuk dibaiki.

Negeri Kedah di bawah Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZKN) juga mempunyai agihan bantuan perumahan yang meliputi Skim Bina dan Baikpulih Rumah LZKN kepada Asnaf Fakir, Miskin dan Muallaf. Begitu Juga Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang turut mempunyai bantuan zakat skim perumahan yang meliputi Skim Inapan Kasih (Bina Rumah Baru), Skim Baik Pulih Rumah dan Skim Kemasukan Elektrik dan Air. Justeru, dalam memastikan para asnaf dan golongan fakir miskin mempunyai kediaman yang selesa, pelbagai pihak berkepentingan memainkan peranan yang amat penting dalam membantu merealisasikan dengan melihat kepada keperluan dan kemampuan golongan tersebut. Menerusi skim-skim bantuan rumah yang disediakan, ia menunjukkan bahawa semua pihak berkepentingan serius dan mengambil berat dalam meningkatkan taraf hidup sosial golongan fakir dan miskin.

Objektif Kajian

1. Menghuraikan data skim bantuan rumah baru dan balik pulih tahun 2020-2024.
2. Menghuraikan impak bantuan bina rumah baru terhadap kesejahteraan hidup asnaf.
3. Menghuraikan impak bantuan baik pulih rumah terhadap kesejahteraan hidup asnaf.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan temu bual kumpulan fokus dan separa berstruktur. Seramai 24 orang responden telah dipilih dan dibahagikan kepada dua kelompok. Kelompok pertama terdiri daripada dua belas penerima bantuan bina rumah baharu, manakala kelompok kedua melibatkan dua belas penerima bantuan baik pulih rumah.

Pemilihan responden dilakukan melalui amil-amil yang berperanan penting dalam komuniti kerana mereka lebih mengetahui keadaan semasa, latar belakang sosioekonomi, serta tahap keperluan setiap asnaf di kawasan masing-masing. Oleh itu, pemilihan melalui amil meningkatkan kebolehpercayaan data yang diperoleh kerana mereka membantu mengenal pasti asnaf yang benar-benar layak.

Populasi kajian ini adalah bersifat homogen, iaitu terdiri daripada individu yang tergolong dalam kategori asnaf penerima bantuan perumahan. Pendekatan persampelan bertujuan (purposive sampling) digunakan kerana ia membolehkan pemilihan responden secara khusus berdasarkan kriteria tertentu yang ditetapkan oleh pengkaji. Walaupun kajian ini bersifat kualitatif, data yang diperoleh boleh digeneralisasikan secara bersyarat kepada kelompok responden lain yang mempunyai ciri dan latar belakang yang sama, meskipun mereka tidak terlibat secara langsung dalam kajian. Hal ini kerana maklumat dan pengalaman yang dikongsi adalah selaras dengan realiti kehidupan penerima bantuan rumah Baitulmal secara umum.

Pendekatan temubual yang diaplikasikan dalam kajian ini adalah sejajar dengan prinsip penyelidikan kualitatif yang menekankan pemilihan informan secara bertujuan, berdasarkan kesesuaian peranan dan pengalaman mereka dengan objektif kajian. Temubual separa berstruktur serta temubual kumpulan fokus digunakan sebagai teknik utama pengumpulan data, memandangkan kaedah ini berupaya menghasilkan data yang kaya, bersifat holistik dan mencerminkan pelbagai perspektif daripada individu yang terlibat secara langsung dalam isu kajian (Kamarul Azmi Jasmi, 2012).

Pemilihan lokasi adalah melibatkan tiga parlimen negeri Perlis iaitu Arau, Kangar dan Padang Besar. Dua buah masjid dipilih bagi setiap parlimen dan dibahagikan kepada dua kelompok iaitu penerima bantuan rumah baitulmal (rumah baharu) dan penerima bantuan baik pulih rumah. Instrumen temu bual diaptasi dari kajian Abdul Azim (2016) dan diubah suai dengan mengambil kira keperluan objektif kajian. Analisis bagi dapatan temu bual dilakukan dengan menggunakan pendekatan tematik.

Dapatan Dan Analisis Kajian

Analisis Data Skim Bantuan Rumah Baru Dan Balik Pulih Tahun 2020-2024

Dapatan kajian menunjukkan agihan sumbangan zakat melalui Skim Baik Pulih dan Bina Baru kepada golongan asnaf bermula 2020 sehingga 2024. Agihan ini berjumlah RM53,304,797.50 bersamaan 1447 buah rumah. Jadual berikut adalah perincian agihan bantuan.

Jadual 1: Peruntukan Kewangan dan Jumlah Rumah Bantuan

Tahun	Jumlah Unit Baik Pulih	Kos Baik Pulih (RM)	Jumlah Unit Rumah Baru	Kos Rumah Baru (RM)	Baik Pulih + Rumah Baru	Jumlah Kos (RM)
2020	187	3,529,520.00	114	5,280,621.00	301	8,810,141.00
2021	142	2,996,818.00	85	3,972,785.00	227	6,969,603.00
2022	151	3,726,911.00	99	5,247,000.00	250	8,973,911.00
2023	180	5,006,911.70	108	5,649,347.00	288	10,656,338.70
2024	237	8,454,536.80	144	9,440,267.00	381	17,894,803.80
JUMLAH	897	23,714,697.50	550	29,590,020.00	1447	53,304,797.50

Sumber: MAIPs (2025)

Jadual di atas merupakan statistik baik pulih rumah dan bina baru di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Bagi jumlah rumah baik pulih, agihan sumbangan zakat yang disalurkan adalah sebanyak RM 23,714,697.50 bersamaan dengan 897 buah. Manakala bagi pembinaan rumah baru adalah sebanyak RM 29,590,020.00 bersamaan dengan 550 buah.

MAIPs terus menunjukkan komitmen yang kukuh dalam membantu golongan asnaf dengan meningkatkan jumlah projek serta peruntukan kewangan dari tahun ke tahun. Walaupun terpaksa menanggung kos yang tinggi berikutan peningkatan jumlah permohonan dan kenaikan harga bahan binaan, MAIPs tetap memainkan peranan penting dalam usaha menaik taraf kehidupan sosial golongan ini melalui pelbagai bentuk bantuan.

Sepanjang tempoh lima tahun dari 2020 hingga 2024, jumlah projek pembaikan dan pembinaan rumah baharu menunjukkan trend peningkatan secara keseluruhan, meskipun berlaku sedikit penurunan pada tahun 2021. Penurunan tersebut antara sebabnya berlaku akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan pandemik COVID-19, yang menghadkan pergerakan dan urusan rakyat. Tahun 2024 merekodkan peningkatan tertinggi bagi kedua-dua kategori projek. Jumlah keseluruhan projek meningkat daripada 301 permohonan pada tahun 2020 kepada 381 permohonan pada tahun 2024, iaitu peningkatan sebanyak 26.6%.

Impak Bantuan Bina Rumah Baru Terhadap Kesejahteraan Hidup

Hasil temu bual bersama dua belas orang penerima bantuan bina baru rumah baitulmal menunjukkan perubahan positif yang ketara terhadap kualiti kehidupan mereka dan keluarga. Pemberian rumah ini dapat dilihat sebagai satu intervensi sosial yang efektif dalam memperbaiki keadaan hidup golongan berpendapatan rendah, khususnya asnaf dan miskin tegar.

Sebelum menerima bantuan, kebanyakan responden tinggal secara menumpang dengan ahli keluarga seperti ibu bapa, mentua atau ipar. Keadaan ini menimbulkan pelbagai isu seperti kekurangan privasi, tekanan sosial dan ketidakselesaan yang berpanjangan. Terdapat juga responden yang menyewa rumah, sekali gus menanggung beban kewangan bulanan yang berterusan. Selepas menerima bantuan rumah, responden melaporkan peningkatan dalam aspek keselesaan hidup, kestabilan keluarga dan penurunan beban kewangan, khususnya apabila tidak lagi perlu membayar sewa atau pinjaman perumahan.

Dalam konteks kesejahteraan hidup, dapatan ini turut menyokong kajian Mohamad, Abdullah dan Samad (2018) yang mendapati bahawa bantuan rumah berperanan dalam mengurangkan tekanan hidup dan meningkatkan kualiti kesejahteraan psikososial penerima. Sementara itu, kajian oleh Zainal, Yusof dan Karim (2020) menekankan bahawa kestabilan tempat tinggal mempunyai hubungan langsung dengan pencapaian akademik anak-anak serta ketahanan sosioekonomi keluarga dalam jangka masa panjang. Impak ini selari dengan teori hierarki keperluan Maslow, yang menempatkan tempat tinggal sebagai salah satu keperluan asas manusia. Apabila keperluan ini dipenuhi, individu lebih berpeluang untuk menumpukan perhatian kepada pembangunan aspek kehidupan lain seperti pendidikan, pekerjaan dan hubungan kekeluargaan (Maslow, 1943).

Ungkapan seperti “Alhamdulillah”, “lega”, dan “sangat menyenangkan” yang berulang dalam respons responden menggambarkan bukan sahaja kelegaan fizikal, tetapi juga kesejahteraan emosi dan spiritual yang terhasil daripada bantuan ini. Ia menunjukkan bahawa pemberian rumah turut menyumbang kepada aspek kesejahteraan holistik, yang merangkumi kesejahteraan fizikal, emosi dan rohani.

Secara keseluruhan, bantuan bina rumah baitulmal MAIPs dapat dianggap sebagai satu bentuk intervensi multidimensi yang membawa impak besar kepada penerima. Ia bukan sahaja memenuhi keperluan tempat tinggal tetapi juga mengangkat martabat sosial dan ekonomi penerima. Justeru itu, pelaksanaan program bantuan rumah ini perlu diteruskan dan diperluas, agar lebih ramai golongan memerlukan dapat dibantu selaras dengan aspirasi pembangunan inklusif negara dan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals: SDG*) SDG 1: Membasmi Kemiskinan (Membasmi semua bentuk kemiskinan di seluruh dunia) dan SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari (Menjadikan bandar dan penempatan manusia sebagai menyeluruh, selamat, berdaya tahan dan mampan)

Impak Bantuan Baik Pulih Rumah Terhadap Kesejahteraan Hidup

Dapatan bagi impak bantuan baik pulih mengukuhkan lagi penemuan sebelum ini bahawa bantuan perumahan oleh baitulmal memberikan impak yang sangat positif terhadap peningkatan kualiti hidup penerima. Majoriti responden menyatakan bahawa kehidupan menjadi lebih selesa selepas menerima rumah dan perasaan bersyukur dan puas hati turut

ditekankan secara berulang dalam temu bual. Dapatan ini diperoleh hasil dari temu bual bersama dua belas orang responden yang menerima bantuan baik pulih rumah.

Antara perubahan utama yang dapat diperhatikan ialah peningkatan keselesaan fizikal dan emosi dalam ruang kediaman. Responden melaporkan bahawa rumah yang dibaik pulih memberi ruang yang lebih teratur dan terjaga, malah membolehkan setiap ahli keluarga mempunyai ruang privasi tersendiri. Sebagai contoh, salah seorang responden menyebut bahawa “masing-masing ada bilik dan ada pembahagian”, menandakan peningkatan dalam struktur fizikal kediaman berbanding situasi sebelumnya.

Responden juga menyatakan bahawa mereka kini tidak lagi terbeban dengan tekanan kewangan, khususnya bagi mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap. Seorang responden menegaskan bahawa kehidupan kini lebih teratur dan selesa walaupun tiada sumber pendapatan lain, menunjukkan bahawa rumah yang dibaik pulih telah menjadi penyokong kepada kelangsungan hidup mereka.

Dari sudut kesejahteraan psikososial, dapatan ini sejajar dengan teori kesejahteraan subjektif (Diener, 1984), yang menekankan bahawa persepsi individu terhadap kualiti hidup mereka dipengaruhi oleh kepuasan dalam aspek-aspek asas kehidupan seperti tempat tinggal, keselamatan dan kesihatan. Dalam kes ini, baik pulih rumah oleh baitulmal telah memenuhi keperluan asas tersebut dan meningkatkan kepuasan hidup secara keseluruhan.

Tambahan pula, unsur kesyukuran yang sering diungkapkan oleh responden seperti “Alhamdulillah” mencerminkan kesejahteraan spiritual dan emosi. Elemen ini penting kerana ia menunjukkan bahawa bantuan bukan sahaja dinilai dari sudut fizikal, tetapi juga diterima dengan hati terbuka, menjadikan penerima lebih optimis dan bersedia untuk membina kehidupan yang lebih baik.

Keseluruhan dapatan ini menunjukkan bahawa bantuan rumah baitulmal MAIPs sama ada baik pulih atau bina baru bukan sahaja menyediakan perlindungan fizikal tetapi turut memberi kesan jangka panjang terhadap keseimbangan hidup, pengukuhan institusi keluarga dan peningkatan daya tahan sosial dalam kalangan penerima.

Kesimpulan

Skim bantuan rumah baitulmal yang meliputi bantuan bina rumah baru dan bantuan baik pulih rumah merupakan skim bantuan yang disediakan oleh MAIPs. Ia tidak lain dan tidak bukan adalah membantu dalam memberikan kesejahteraan hidup kepada golongan asnaf. Tidak dinafikan bahawa terdapat asnaf yang memberikan respon atau aduan setelah rumah siap dibina atau dibaiki, namun kekurangan itu mereka rasakan tidaklah besar dan dapat diatasi jika dibandingkan dengan bantuan yang diterima. Bantuan rumah baitulmal memberikan keselesaan dan ruang privasi bagi sesebuah keluarga yang mempunyai anak lelaki dan perempuan serta buat ibu bapa. Sebagai contoh, terdapat rumah yang asalnya hanya mempunyai satu atau dua ruang yang hanya dipisahkan dengan pemisah tabir sahaja. Justeru, bantuan rumah baitulmal iaitu bina rumah baru dan baik pulih rumah memberikan impak yang positif terhadap kesejahteraan hidup golongan asnaf. Bantuan perumahan merupakan satu bentuk intervensi pelbagai dimensi yang memberikan kesan yang signifikan kepada penerima. Selain menyediakan kediaman yang selamat dan selesa, ia turut menyumbang kepada peningkatan kestabilan ekonomi, kesejahteraan sosial serta kesihatan mental. Tempat tinggal

yang kekal dan selesa membolehkan penerima menjalani kehidupan yang lebih tersusun, memperoleh akses yang lebih baik kepada pendidikan dan peluang pekerjaan, di samping mengurangkan tekanan akibat ketidakpastian dalam aspek perumahan.

Penghargaan

Penghargaan kepada Faizuddin Centre of Educational Excellence (FCoEE)-Penganugerahan geran penyelidikan STG 052 (2024).

Rujukan

- Abd Shakor N. A., Muda, M.Z & Mohamed Said, N. L. (2024). Peranan Baitulmal Sebagai Institusi Kebajikan Ahli Waris Orang Hilang (al-Mafqūd): Kajian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). *Journal Of Contemporary Islamic Law*. 9(2). 13-20.
- Abu Bakar, M., Ahmad, S., Salleh, A. D., & Mohd Salleh, M. F. (2020). Transformasi Tadbir Urus Wakaf oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). *Sains Insani*, Volume 03 (2): 209-221
- Adi, M. F. A., Fadzil, N. A., Azman, M. F., & Mohd Noor Be, N. I. (2025). Peranan MAIPs Dalam Memperkasa Kesejahteraan Sosial Masyarakat Negeri Perlis: Kajian Skim Agihan Baik Pulih Dan Rumah Baru Asnaf. *Journal of Muwafaqat*. 8(1) 46-60.
- Alias, M., dan Osman, M.F. (2018). Keberdayaan baitulmal dalam menangani permasalahan sosio ekonomi ummah. *JAWHAR*: 1-14.
- Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. (2025). *Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)*. <https://www.rurallink.gov.my/program-perumahan-rakyat-termiskin-pprt/>
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. (2025). *Skim Bantuan Zakat*. <https://www.maips.gov.my/skim-bantuan-zakat/>
- Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. (2025). <https://www.zakatpenang.com/bantuan-binaan-rumah/>
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. (2025). <https://www.maiwp.gov.my/portal-main/bantuan-perlindungan>
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50(4), 370–396.
- Mohamad, M., Abdullah, H., & Samad, N. A. (2018). Kesan bantuan rumah terhadap kesejahteraan hidup golongan miskin bandar: Kajian kes di Wilayah Persekutuan. *Jurnal Sains Sosial*, 6(2), 55–68.
- Mohd Nasir, N.F.H. 2021. The Impact of Skim Bantuan Rumah Lembaga Zakat Negeri Kedah to Asnaf in Kubang Pasu. Sintok Tesis Sarjana Universiti Utara Malaysia.
- Musliman, A. R., & Zakaria, Z. (2023). Analisa Literatur Mengenai Kajian Tentang Masalah Baitulmal Dalam Pengurusan Harta Pusaka Tak Alih Di Negeri Johor (Literature Analysis on The Study on Baitulmal Problems in The Management of Immovable Estates in The State of Johor). *UMRAN - Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 10(1), 35–45.
- Musliman, A. R., & Zakaria, Z., Ahmad. M.Y. (2024). Faktor Penyumbang Kepada Masalah Pengurusan Harta Pusaka Tak Alih Di Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri Johor. *Jurnal Ulwan*. 9(2):98-104.
- Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan. (2025). *Program Rumah Harapan Rakyat Negeri Sembilan*. <https://www.pknns.gov.my/inisiatif/program-rumah-harapan-rakyat-negeri-sembilan>
- Shamsuddin, A.A. (2016). Permasalahan Bantuan Bina Rumah Majlis Agama Islam Negeri Johor. Tesis Sarjana. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Ulhayat Jahidin, M. A., Mat Said, M.H., & Abdul Karim, M.S. (2021). Baitulmal management during the time of rasulullah saw and the ruling of khulafa ar-rashidin. *Jurnal al-Şirať* 19(2): 103-111.
- Yayasan Perak. (2025). *Sayangi Rumahku*. <https://yayasanperak.gov.my/v6/sayangi-rumahku/>
- Zainal, N. R., Yusof, N. A., & Karim, H. A. (2020). Perumahan dan kesejahteraan keluarga B40: Implikasi terhadap dasar perumahan negara. *Jurnal Polisi dan Pengurusan Awam*, 11(1), 23–37.